

TUNTUTAN KESAMAAN GENDER

Pinda Perlembagaan Persekutuan untuk membenarkan golongan wanita untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan Malaysia bagi anak-anak mereka yang lahir di luar negara.

- Perlembagaan Persekutuan mendiskriminasi berasaskan gender, walaupun Perkara 8(2) melarangnya.
- Perkara 14 dan Jadual yang berkaitannya menghadkan hak ibu-ibu warganegara Malaysia untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang bagi anak-anak mereka yang lahir di luar negara. Sebaliknya, ibu-ibu warganegara Malaysia mesti menggunakan prosedur di bawah Perkara 15(2) untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan anak-anak mereka melalui pendaftaran, satu proses yang panjang dan sukar.

Apakah KESAN terhadap WANITA dan KANAK-KANAK apabila ibu warganegara Malaysia tidak boleh mendapatkan taraf kewarganegaraan Malaysia bagi anak-anak mereka yang lahir di luar negara?

WANITA TIDAK SAMA DI SISI UNDANG-UNDANG

- Apabila wanita-wanita warganegara Malaysia dinafikan hak yang diberikan kepada lelaki warganegara Malaysia, kewarganegaraan mereka adalah tidak sama di sisi undang-undang, dan ini dengan jelas adalah diskriminasi berasaskan gender.
- Peruntukan perlembagaan Malaysia yang mendiskriminasi adalah peninggalan masa lalu oleh penjajah, dan telah berurat berakar dalam tanggapan patriarki bahawa kewarganegaraan kanak-kanak mesti mengikut bapa mereka.

PERPADUAN KELUARGA TERANCAM

- Proses permohonan kewarganegaraan menerusi Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan adalah menjemukan dan mengambil masa bertahun-tahun, tanpa jaminan untuk akhirnya berjaya mendapatkan kewarganegaraan. **Ini memaksa keluarga-keluarga untuk menghadapi masa depan yang tidak menentu**, menghalang perancangan dan membuat keputusan demi kepentingan keluarga.
- Ibu-ibu yang melalui proses ini takut untuk meninggalkan Malaysia sama sekali. Mereka ingin memastikan supaya dapat dihubungi pihak berkuasa imigresen bagi temu ramah. Dalam beberapa kes, suami-suami kepada wanita-wanita ini tinggal di luar negara, **terpisah daripada isteri dan anak-anak mereka**.
- Ketegangan keadaan ini juga dirasakan oleh keluarga luas, seperti dalam kes seorang anak perempuan warganegara Malaysia yang telah pulang untuk menjaga ibu bapanya yang semakin tua. Ibu bapanya berasa putus asa melihat anak

dan cucu mereka terpaksa **menunggu lama dan menghadapi halangan birokrasi**.

- Kanak-kanak dalam situasi sedemikian terpaksa memasuki Malaysia menggunakan visa pelancong dan tinggal menggunakan Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang bagi tempoh enam bulan sehingga mereka berumur tujuh tahun. Ibu tersebut kerap kali terpaksa meninggalkan negara dengan anak-anaknya untuk memperbaharui visa mereka, dan dengan itu menanggung perbelanjaan pengangkutan dan penginapan.

“Saya cuma mahu tinggal di Malaysia, jaga ibu bapa saya, dan mahu anak-anak saya bersekolah dalam negara tanpa perlu ke Singapura atau Thailand setiap tiga bulan untuk memperbaharui visa pelancong anak-anak. Ia memenatkan, serta mahal. Saya akhirnya terpaksa menyekolahkan mereka di rumah kerana menghantar mereka ke sekolah swasta adalah mahal.” – Sophia, wanita warganegara Malaysia yang anak-anaknya lahir di luar negara.

KANAK-KANAK TIDAK MEMPUNYAI AKSES YANG SAMA KEPADA PENDIDIKAN, PENJAGAAN KESIHATAN, DAN KHIDMAT-KHIDMAT SOSIAL

- **Pada dasarnya, peruntukan perlembagaan yang mendiskriminasi boleh memudaratkan kanak-kanak**. Apabila kanak-kanak tidak diiktiraf sebagai warganegara, mereka mempunyai akses terhad kepada sistem Sekolah Kebangsaan dan akan dilayan sebagai pelajar antarabangsa, bergantung kepada kelulusan kemasukan oleh guru besar.

- Skim seperti 'skim pinjaman buku teks', suntikan vaksin wajib percuma, dan Program Makanan Tambahan tidak disediakan kepada mereka. Akses kepada pinjaman pelajaran juga adalah sangat terhad.
- Walaupun kanak-kanak bukan warganegara boleh mengakses penjagaan kesihatan pada kadar bayaran yang sama seperti kanak-kanak warganegara Malaysia di institusi-institusi penjagaan kesihatan kerajaan, ini cumalah sehingga umur mereka 12 tahun. Tambahan pula, arahan memberikan akses sedemikian kepada kanak-kanak bawah umur 12 tahun tidak sampai kepada semua hospital, dan sebahagian ibu tidak dapat mendapatkan kadar bayaran sedemikian bagi anak-anak mereka.
- Kanak-kanak ini dikecualikan daripada pemeriksaan kesihatan dan pergigian yang biasa di sekolah, yang dijalankan hanya bagi warganegara. **Ini menafikan kanak-kanak ini faedah yang diberikan kepada kanak-kanak warganegara Malaysia** dan membezakan mereka walaupun bukan kerana salah mereka ataupun ibu bapa mereka.

WANITA MENJADI LEBIH TERDEDAH KEPADA KEGANASAN BERASASKAN GENDER

- Peluang-peluang yang terhad bagi wanita-wanita warganegara Malaysia untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan bagi anak-anak mereka boleh membawa kepada situasi di mana mereka terpaksa bergantung kepada suami warga asing mereka untuk hak-hak kerakyatan bagi anak-anak mereka, supaya anak-anak mereka tidak mempunyai status tanpa kerakyatan.
- Jika suami mereka berlaku ganas, adalah **kurang kemungkinan bagi wanita-wanita ini untuk meninggalkan situasi ganas itu**, kerana tinggal bersama suami mereka di negara asing akan lebih selamat bagi anak-anak mereka. Ini akan mengekalkan keganasan bukan saja terhadap ibu, malah anak-anak mereka juga.

WANITA MENDERITA AKIBAT KESIHATAN MENTAL YANG TERJEJAS

- Penderitaan psikologi akibat daripada proses birokrasi yang panjang dan tidak konsisten boleh membuatkan sesiapaupun berasa tidak penting dan

terpinggir. Ada ibu-ibu yang pernah berkongsi perasaan bagaimana keresahan, kurang keyakinan diri, dan pengasingan menyumbang kepada kemurungan.

ANAK-ANAK DEWASA MEMPUNYAI AKSES TERHAD KEPADA PELUANG EKONOMI DAN KHIDMAT SOSIAL

- Anak-anak dewasa yang dinafikan kewarganegaraan Malaysia akan menghadapi **halangan untuk bekerja** dan perlu mendapatkan permit kerja di mana ia melibatkan penantian yang lama dan kerenah birokrasi.
- Individu-individu ini juga menghadapi halangan untuk mewarisi harta keluarga dan kesukaran membuka dan mengekalkan akaun bank, dan selalunya dinafikan akses kepada program kebajikan sosial awam. Peminggiran sebegini boleh membawa **kepada kehidupan dengan masalah ekonomi**.

KANAK-KANAK BERISIKO UNTUK MENJADI TIDAK MEMPUNYAI KERAKYATAN

- Diskriminasi gender pada undang-undang kerakyatan adalah sebab utama bagi *statelessness* (tanpa kerakyatan). Risiko tanpa kerakyatan bagi kanak-kanak timbul sekiranya di mana seseorang bapa tidak mempunyai kerakyatan atau tidak dapat dikesan, atau undang-undang di negara asing bapa tidak membenarkan pemindahan kewarganegaraan kanak-kanak.

TINDAKAN SEGERA MESTI DIAMBIL SUPAYA MALAYSIA TIDAK KETINGGALAN.

Ketiadaan keseksamaan gender dalam undang-undang kewarganegaraan Malaysia mengakibatkan Malaysia menjadi salah satu daripada 25 negara di dunia yang menafikan hak wanita untuk mendapatkan taraf kerakyatan bagi anak-anak mereka sama seperti lelaki.

Email: foreignspouses@gmail.com

Phone Number: 016- 310 1972

Address: c/o D-3-33, Block D, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

